

Rumah: HBA cadang tubuh pasukan khas

Oleh AKMYR SYAHAR AZWAR
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 JULAI

PERSATUAN Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA) mencadangkan penubuhan sebuah pasukan petugas khas bagi memantau projek perumahan terutama mampu milik dan memacu pemilihan rumah di negara ini.

Setiausaha Kehormat HBA, Chang Kim Loong berkata, pasukan itu perlu bertindak sebagai sebuah organisasi pengumpulan data yang akan memantau pelaksanaan projek perumahan di peringkat rancangan, pembinaan dan setelah projek itu siap dibina.

“Pasukan ini perlu mengawal harga perumahan dengan menyalurkan harga bahan asas binaan seperti simen, keluli dan pasir, sekali gus tidak ada lagi alasan bagi pemaju untuk mengenakan harga rumah yang terlalu tinggi.

“Ia perlu melibatkan pemaju-pemaju utama kerana mereka adalah pelopor yang gemar membina rumah mewah. Jika perkara ini dapat diselaraskan, pemaju boleh bina rumah mampu milik dengan keuntungan sama,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

ditemui pada acara dialog bagi kemampuan pembangunan perumahan mampu milik anjuran Cagamas Holdings Berhad (Cagamas) di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour; Pengerusi Cagamas, Nik Mohd. Hasyudeen Yusoff; Pengurus Amalan, Bandar dan Risiko Bencana Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia, Abhas K. JHA; Pengarah Eksekutif Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Datuk Charon Mokhzani dan Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Abdul Rahim Ishak.

Sementara itu, Shaik Abdul Rasheed berkata, perubahan ketara dalam pasaran dan demografi hartanah negara telah menjadikan isu ketidakseimbangan antara permintaan dan bekalan perumahan semakin ketara.

Jelasnya, pembiayaan bukan satu isu kerana kadar kelulusan pinjaman perumahan kekal tinggi pada 74 peratus dengan lebih 60 peratus pinjaman baharu diperluaskan untuk pembelian rumah di bawah RM500,000.

“Berdasarkan data 2014, kekurangan perumahan mampu milik adalah sebanyak 960,000 unit, malah

angka itu dijangka mencecah sejuta menjelang 2020 jika tiada langkah sewajarnya untuk meningkatkan kemampuan,” katanya.

Dalam pada itu, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) berharap semakan semula Dasar Perumahan Negara (DPN) dapat disiapkan sepenuhnya pada penghujung tahun ini.

Penaung REHDA, Datuk Ng Seing Liong berkata, pihaknya sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) untuk menyelaraskan harga rumah mampu milik di negara ini kerana banyak perkara perlu dinilai sebelum semakan dasar tersebut disiapkan.

“Setiap negeri mempunyai keperluan yang berbeza, perkara ini akan diperhalusi supaya ia dapat diselaraskan dengan negeri-negeri yang lain.

“Selain itu, tafsiran harga mampu milik juga berbeza yang mana RM500,000 dianggap mampu milik di Lembah Klang tetapi tidak di kawasan yang lain,” katanya dalam sidang akhbar Karnival Perumahan Mampu Milik (KPM)-Ekspo Hartanah dan Perumahan Malaysia (Mapex) 2017 di sini hari ini.



SHAIK ABDUL RASHEED ABDUL GHAFFOUR (empat dari kiri) bersama sebahagian peserta dialog bagi kemampuan pembangunan perumahan mampu milik anjuran Cagamas Holdings Berhad di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN